

Pembelajaran Kendiri Asas Melukis Mural

Buku Pembelajaran Kendiri Asas Melukis Mural ini adalah hasil daripada dana Geran Galakan Penyelidikan Universiti-Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama komuniti dengan akademia. Kolaborasi antara UKM dan Kolej Komuniti Kuala Langat (KIKKL), dalam program "Kem Aspirasi Kemahiran Seni Lukis Mural Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Kuala Langat" dirangka untuk menggalakkan pemindahan ilmu kepada komuniti (guru dan pelajar) untuk mendokong pelbagai aktiviti dan menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan komuniti. Kandungan buku ini menekankan beberapa perkara penting dalam asas seni lukis mural dengan mengambil kira aspek teknologi, teknik, proses dan hasil pembelajaran. Harapan kami semoga buku ini dapat membantu menambah pengetahuan guru, pelajar dan para pembaca serta peminat seni lukis mural sebagai panduan dan idea bagaimana untuk merancang sesuatu pembangunan projek seni lukis mural itu agar memberi impak yang tinggi kepada komuniti dan semua pihak.

MOHAMAD SATTAR RASUL adalah seorang Profesor Madya dan Pengerusi Pusat Kajian Pembudayaan STEM di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional atau TVET (Technical and Vocational Education & Training) dan Pendidikan STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics). Bidang penyelidikannya merangkumi Dasar dan Kurikulum TVET, Jaminan Kualiti, Sistem Persijilan Kelayakan dan Kemahiran, Pembangunan Kerjaya, Kejuruteraan dan Pendidikan STEM. HARIS AHMAD HAMSANI adalah seorang Pensyarah Program Animasi 2D di Kolej Komuniti Kuala Langat. Berpengalaman bekerja sebagai pelukis sepenuh masa dan aktif menyertai pameran lukisan di dalam dan luar negara disamping menghasilkan mural dan menjadi pelukis ilustrasi bebas bagi syarikat penerbitan buku dan CD pembelajaran interaktif. Pada tahun 2005 beliau berkhidmat di Kolej Komuniti Kuala Langat sehingga kini. ELMIZA ROSLAN berpengalaman sebagai pensyarah subjek grafik, dan animasi serta terlibat secara aktif dalam penghasilan rekabentuk grafik program-program di Kolej Komuniti selama 9 tahun (2008-2015) di Kolej Komuniti Komuniti Kuala Langat, Banting Selangor. Kini beliau berkhidmat di Jabatan Pendidikan Politeknik dan kolej Komuniti sebagai Penolong Pengarah Kanan di Putrajaya. SYARIZA MOHAMAD SAMURI adalah seorang Pensyarah Diploma Games Art di Kolej Komuniti Selangor. Kepakaran beliau adalah dalam bidang grafik multimedia dan teknologi. Kini beliau berkhidmat di Kolej Komuniti Selangor sebagai Ketua Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat dan pegawai unit Multimedia dan ICT. Beliau juga terlibat dalam membangunkan produk permainan berasaskan Kursus Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi pelajar berkeperluan Khas Asas Kulineri iaitu VR CUISINE di bawah geran TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS) 2019. MAHANOM ISMAIL memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Kolej Komuniti dalam bidang Pengoperasian Perniagaan bermula pada tahun 2003 dan kini sedang berkhidmat sebagai pensyarah Kolej Komuniti Kuala Langat. Sepanjang perkhidmatan beliau banyak terlibat dalam aktiviti inovasi, penyelidikan dan Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) ketika berada di Unit Penyelidikan dan Inovasi.



<http://ukmpress.ukm.my>



Pembelajaran Kendiri Asas Melukis Mural

MOHAMAD SATTAR RASUL
HARIS AHMAD HAMSANI
ELMIZA ROSLAN
MAHANOM ISMAIL
SYARIZA MOHAMAD SAMURI

Pembelajaran Kendiri Asas Melukis Mural

**MOHAMAD SATTAR RASUL
HARIS AHMAD HAMSANI
ELMIZA ROSLAN
MAHANOM ISMAIL
SYARIZA MOHAMAD SAMURI**